



**TEMUBUAL MENGENAI SEJARAH KAMPUNG LUBUK BATU SEGAMAT
JOHOR BERSAMA ENCIK MUHD ISMAIL BIN ABDUL LATIP**

Oleh:

Shaifudin Bin Sulaiman

2012763163

Muhammad Luqman Alif Bin Ismail

2012508003

Siti Nursyahirah Binti Abdul Wahab

2012147803

Projek dimajukan kepada Fakulti Pengurusan Maklumat
Universiti Teknologi MARA, Kampus Segamat, Johor
bagi memenuhi keperluan kursus
IMR 604 – Pendokumentasian Sejarah Lisan

Semester 05 (Mac 2014 – Jun 2014)

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN

1.0 ABSTRAK.....	1
2.0 SINGKATAN KATA.....	2
3.0 BIODATA PENULIS.....	3-5
4.0 PENGENALAN.....	6
5.0 TRANSKRIP WAWANCARA.....	8-54
6.0 LOG WAWANCARA.....	55-60
7.0 BIODATA TOKOH.....	61
8.0 SENARAI SOALAN WAWANCARA.....	62-66
9.0 RALAT.....	67
10.0 RUMUSAN.....	68
11.0 SENARAI RUJUKAN.....	70
12.0 LAMPIRAN.....	71
13.0 INDEKS.....	i

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t. Alhamdulillah. Pertama-tamanya, syukur yang tidak terhingga kepada Allah s.w.t yang telah memberikan rahmat dan kesihatan yang baik kepada kami dan dengan izin-Nya juga kami dapat menyiapkan tugas berkenaan penulisan transkrip untuk subjek IMR 604 - Pendokumentasi Sejarah Lisan yang diberikan ini dengan jayanya pada masa yang ditetapkan. Kami juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan jutaan terima kasih dan sekalung penghargaan yang tidak terhingga kepada pensyarah subjek IMR 604 - Dokumentasi Sejarah Lisan, iaitu Encik Zul-Azmi Bin Ishak yang begitu sabar mengajar kami sepanjang semester lima ini. Beliau telah memberikan banyak tunjuk ajar, galakan dan maklumat kepada kami bagi menyiapkan tugas ini. Tidak dilupakan juga, kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada kedua ibu bapa kami yang telah banyak memberikan sokongan moral, doa dan nasihat yang tidak putus-putus dari jauh. Setinggi-tinggi penghargaan ingin kami tujukan kepada Encik Muhd Ismail Bin Abd Latip yang menjadi pengkisah dalam penulisan transkrip kami ini. Beliau telah memberikan banyak maklumat dan kerjasama yang begitu baik sekali kepada kami semasa temuduga sekaligus memenuhi keperluan subjek ini. Sesungguhnya kami sangat menghargai jasa beliau dalam membantu kami. Akhir sekali, sekali lagi kami ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada pensyarah, rakan-rakan dan semua yang telah terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam membantu kami. Allah sahaja yang dapat membalas jasa anda sekalian.

Terima kasih.

1.0 ABSTRAK

Abstrak: Transkrip ini mengandungi temubual bersama Encik Ismail Bin Abdul Latip mengenai sejarah Kampung Lubuk Batu dan sedikit sebanyak maklumat mengenai diri dan keluarga Encik Ismail dalam mengetuai kampung sebagai Ketua Kampung Lubuk Batu. Transkrip temubual ini dijalankan di kediaman beliau di No. 50, Batu 2 Jalan Muar, Kampung Lubuk Batu, 85000 Segamat, Johor Darul Takzim pada 24 Jun 2014, bermula pada jam 9.00 malam . Transkrip ini juga menyentuh serba sedikit tentang latar belakang beliau mengendalikan kampung, malahan dari segi sejarah yang berkisar di sini juga turut di sentuh dan ternyata sejarah di Kampung Lubuk Batu ini banyak sejarah yang menarik dengan pelbagai aktiviti yang dijalankan dan pelaksanaan yang teratur oleh jawatan tertinggi. Malahan, harapan yang teramat tinggi oleh ketua kampung untuk menaik taraf Masjid Makam Lubuk Batu dalam membantu penduduk dan kemudahan untuk semua.

Kata Kunci: Kampung Lubuk Batu, Tepok, India Muslim, Sultan, Rukun Tetangga

2.0 SINGKATAN KATA

JKR	Jabatan Kerja Raya
OKU	Orang Kurang Upaya
PU	Pencetus Ummah
UiTM	Universiti Teknologi Mara
IKS	Industri Kecil Sederhana
JKKK	Jawatankuasa Keselamatan Kampung
PRT	Pembangunan Rumah Terpilih
YB	Yang Berhormat
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
PPRT	Projek Perumahan Rakyat Miskin Tegar
AJK	Ahli Jawatankuasa
NGO	Non Government Organization
D.O	<i>District Officer</i> [Pegawai Daerah]